



pengaruh agama Hindu dan juga Buddha dapat dilihat berikut

kepercayaan yang diamalkan di kepulauan Melayu pada waktu itu.

Namun selepas penyebaran agama Islam, rekaannya lebih didominasi motif flora dan tumbuh-tumbuhan sementara unsur yang dahulunya dikaitkan dengan hal-hal mistik diganti dengan ukiran kaligrafi misalnya Asma' al-Husna, nama-nama nabi, ayat suci al-Quran dan simbol Islam lain. Malah ia turut memperlihatkan keris juga dianggap sebagai simbol kedaulatan Raja-Raja Melayu sehingga kini.

#### **Koleksi Sultan Selangor**

Dalam usaha mempopularkan kembali keris, IAMM baru-baru ini dengan Yayasan Raja Muda Selangor (YRMS) mengadakan pameran *Keris: Kuasa dan Jati Diri* dengan menampilkan 94 bilah keris berserta artifak berkaitan.

Pameran itu yang dibuka kepada orang ramai bermula 2 Disember sehingga 13 Mac tahun hadapan turut mempamerkan sekitar 59 bilah keris koleksi peribadi Sultan Selangor,

Penyebaran keris di alam Melayu berlaku susulan kebangkitan juga kejatuhan kerajaan

# Keris simbol jati diri dan kuasa

Oleh Azhar Shahrulnizam

bhsastera@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Keris sinonim dengan jati diri orang Melayu malah dikaitkan dengan peradaban dan adat berbudaya.

Namun keris juga senjata agung dalam dunia Melayu malah sebenarnya rupa bentuknya mampu menimbulkan perasaan gerun kepada musuh. Umumnya keris dibentuk dengan lekuk dan rekaan bersimpang siur yang menjadikannya unik.

Bagaimanapun dalam kalangan orang Melayu dahulu keris turut berfungsi sebagai senjata. Namun ia tidak boleh digunakan sewenang-wengannya sebaliknya hanya sebahagian langkah siap siaga atau mempertahankan diri.

Hari ini penggunaan keris sudah diperluaskan. Ia dijadikan sebahagian pelengkap busana bagi adat dan istiadat tertentu misalnya ketika acara perkahwinan.

Malah reka bentuk keris lebih berfokus kepada nilai seninya. Meskipun masih mampu digunakan sebagai senjata ia tidaklah seampuh keris yang digunakan dalam pertempuran ataupun keris tarung sebelum ini.

Kurator Galeri Dunia Melayu, Muzium Kesenian Islam Malaysia (IAMM), Izuan Fadzil Mohammad, berkata keris adalah antara elemen terpenting dalam budaya kebendaan di alam Melayu.

“Keris kekal mekar sebagai simbol kuasa dan jati diri masyarakat serantau. Malah hari ini pengaruh Islam

terhadap reka bentuk dan perkembangan budaya masih dapat dilihat.

“Lazimnya keris mempunyai bilah yang tajam, berbentuk tirus dan berlekuk berbanding bahagian di pangkalnya.

“Namun ada juga keris yang dihasilkan dengan bilah lebih ringkas dan berbentuk lurus. Semuanya bergantung kepada kegunaan dan juga nilai estetika yang ingin diterjemahkan oleh pembuat keris,” katanya.

#### Rekaan keris berdasarkan wilayah

Izuan Fadzil berkata, setiap keris mempunyai keunikannya dari segi reka bentuk dan tipologinya berdasarkan wilayah ia dibuat.

Keunikan itu tegasnya dipengaruhi tradisi, kepercayaan, falsafah serta teknik pembuatan selain era ia dihasilkan.

Malah keris juga sebenarnya mula

tersebar disebabkan kebangkitan dan juga kejatuhan kerajaan Jawa terawal.

Tambah Izuan Fadzil, berdasarkan sejarah penyebaran keris bermula dari Sumatera Barat sehingga ke Mindanao di timur laut Kepulauan Melayu. Meskipun rekaan keris berdasarkan wilayah namun, sesuatu yang menjadi persetujuan umum kehalusan seni rekaan itu adalah refleksi status.

“Dalam konteks lain ramai percaya keris dahulunya adalah penghubung di antara alam manusia dan ghaib. Malah jika dilihat hari ini, kepercayaan sebegitu masih lagi boleh dilihat,” katanya.

Tambah Izuan Fadzil, keris juga mengalami beberapa perubahan yang dapat dijejak sehingga abad ke-14 berdasarkan catatan, dokumentasi dan juga inskripsi pada dinding monumen Hindu-Buddha.

Dalam tipologi awal keris katanya,

▲ Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan melawat Pameran Keris Kuasa dan Jati Diri di Muzium Kesenian Islam Malaysia. (Foto Saifullizan Tamadi /BH)

Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Antara keris yang dipamerkan dalam pameran berkenaan termasuklah yang pernah dimiliki Sultan Abdul Jalil Riayat Shah keempat. Keris berkenaan adalah satu daripada dua bilah keris baginda yang dapat dijejak sehingga 1712. Ia adalah sebahagian koleksi tetap IAMM sejak 1998.


“Selain itu pameran berkenaan turut mempamerkan keris Bugis berlok tujuh. Ia unik dengan bahagian hulu keris diukir dengan bismillah selain nama Rasulullah SAW dan Allah SWT selain kalimah syahadah.

“Sebilah lagi keris yang unik dikenali sebagai keris Alang. Ia mempunyai rekaan lurus dan dipercayai berasal dari Kepulauan Sumatera. Keris yang ditempa sekitar abad ke-19 itu digunakan untuk menghukum penjenayah,” katanya.

Bagaimanapun tegas Izuan Fadzil, kemahiran mereka bentuk keris seharusnya dipertahankan. Justeru YRMS turut memulakan usaha untuk mencari pembuat keris berpengalaman untuk menjadi melatih generasi muda.

Menerusi program ‘Talent For The World - Young Keris Maker’ pelapis-pelapis muda dari Pantai Timur dilatih menyertai program berkenaan.

Malah bagi pameran *Keris: Kuasa dan Jati diri* sebanyak tiga orang pelatih terpilih mempersembahkan keris buatan mereka sebagai bahan pameran. Mereka ialah Muzaffar Mohd Zafri yang tampil dengan keris Bugis berlok lima berpamor perut ular; Ahmad Azuan Othman dengan keris Alang bilah 21 dengan sampir sari bulan sementara Abdul Hakim Zulkifli mempamerkan keris sepukal berpamor bulu merak.



◀ Keris sebagai senjata tidak boleh digunakan sewenang-wengannya sebaliknya hanya sebahagian langkah siap siaga atau mempertahankan diri. (Gambar hiasan)